



**Falsafah Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Kumpulan
Drama Dunia Belum Kiamat**
*Philosophical Thought by Hatta Azad Khan in Kumpulan Drama
Dunia Belum Kiamat*

Roslina Abu Bakar¹, Arba'ie bin Sujud & Nurul Ainabila Shuhaimi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini adalah untuk melihat falsafah pemikiran Hatta Azad Khan dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013). Fokus kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan membincangkan falsafah dan pemikiran yang ingin diketengahkan oleh pengarang dalam kumpulan drama tersebut. *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) beraliran realisme dan mengandungi lima buah drama iaitu drama *Awang*, *Anak Korporat*, *Dunia Belum Kiamat*, *Cermin Tipu Daya* dan *Puteri Gunung Ledang*. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan teori Sosiologi oleh J. Duvidnaud (1972) untuk mencapai dua objektif kajian. Pertama, untuk mengenal pasti falsafah dan pemikiran dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) karya Hatta Azad Khan. Kedua, membincangkan falsafah dan pemikiran dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) dari aspek sosial, politik dan ekonomi. Kajian ini menghasilkan dapatan kajian iaitu *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) karya Hatta Azad Khan merupakan sebuah kumpulan drama yang sarat dengan falsafah dan pemikiran. Falsafah dan pemikiran tersebut terdiri daripada pemikiran sosial, ekonomi dan politik.

Kata kunci : falsafah, pemikiran, politik, sosial, ekonomi

Abstract

This research is intended to view the philosophical thoughts of Hatta Azad Khan in Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat (2013). This research is focusing on identifying and discussing the philosophy and the thoughts which had been highlighted by the author of the above mentioned drama's group. The drama's group is based on realism and it is comprised of five dramas which are Awang, Anak Korporat, Dunia Belum Kiamat, Cermin Tipu Daya and Puteri Gunung Ledang.. The method used in this research was literature analysis and content analysis method. This study applied the Sociological

¹ Corresponding author : Roslina Abu Bakar, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, e-mail : lynabubakar@upm.edu.my

Theory by J. Duvidnaud (1972) to achieve two objectives which were to identify and to discuss the philosophy and the perspectives in Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat (2013) by Hatta Azad Khan specifically in terms of social, economic and political aspect. Hence, the research findings showed that this group of drama was loaded philosophy perspectives that consist of social, economic and political thinking.

Keywords: philosophy, perspective, politic, social, economic

PENGENALAN

Falsafah dan pemikiran pengarang merupakan elemen yang sangat penting dalam sesebuah karya. Hal ini kerana, seseorang pengarang sudah pasti mempunyai idea atau pemikiran tersendiri yang ingin disampaikan kepada pembaca sebagai hiburan dan pengajaran dalam kehidupan nyata. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut pendapat Othman Puteh (1998 : 90) iaitu sastera seharusnya dapat menerapkan ilmu pendidikan dan hiburan kepada masyarakat terutama hal yang menyentuh dengan nilai kemanusiaan. Kenyataan tersebut juga disokong oleh Shahnon Ahmad (1991 : 45) yang menyatakan bahawa karya sastera memainkan peranan sangat besar dalam pendidikan untuk mendidik sahsiah dan pemikiran manusia.

Falsafah dan pemikiran merupakan idea yang disalurkan oleh pengarang kepada khalayak pembaca. Falsafah dan pemikiran yang dihasilkan oleh seseorang pengarang mencakupi pelbagai idea, disiplin ilmu dan hal ehwal kehidupan masyarakat untuk ditaakul oleh khalayak pembaca. Menurut Sulaiman Noordin (1992 : 75), falsafah berasal dari perkataan Yunani, iaitu ‘Philos’ (cinta) dan ‘Sophia’ (pandai dan bijaksana) iaitu cinta kepada kebijaksanaan. Hal ini menjelaskan bahawa kebijaksanaan haruslah digabungkan dengan perasaan cinta agar menjadi satu tarikan dan sekali gus menerangkan isi tersirat dan tersurat kepada khalayak pembaca. Kebijaksanaan juga dapat diperlihatkan dalam ilmu.

Kumpulan drama Dunia Belum Kiamat (2013) merupakan karya yang mengetengahkan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan yang berlatarkan kehidupan sebenar masyarakat di alam nyata. Fenomena tersebut merangkumi politik, ekonomi dan sosial. *Kumpulan drama Dunia Belum Kiamat* (2013) merupakan aliran ‘realisme sosial’ yang memperlihatkan usaha pengarangnya menggarap kehidupan masyarakat sehari-hari. Karya tersebut turut berperanan sebagai pembawa suara masyarakat menerusi falsafah dan pemikiran pengarang. Kenyataan ini dibuktikan menerusi kenyataan Zakaria Ariffin (2009 : 2), pemikiran Hatta Azad Khan menjadi sesuatu yang penting untuk disampaikan kepada khalayak. Hal ini demikian

kerana, setiap pemikirannya selalu menyentuh kehidupan masyarakat dan memberi pengajaran kepada masyarakat.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh para sarjana dan pengkaji terdahulu terhadap karya Hatta Azad Khan. Antaranya, Zakaria Ariffin, Shasha Zainal, Solehah Ishak dan Rahman Shaari. Kajian yang dilakukan oleh Zakaria Ariffin (2009) mendapati bahawa dramatis Hatta Azad Khan sentiasa melontarkan nada protes atau antipihak terhadap golongan atasan, pihak berkuasa atau pihak yang mementingkan diri menerusi karyanya. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Shasha Zainal (2009) mendapati bahawa Hatta Azad Khan menjadikan kumpulan drama *Patung-patung* (2009) sebagai wadah untuk menyampaikan kritikan sosial ataupun protes sosial. Selain itu, Rahman Shaari (2009) menerusi kajianya mendapati Hatta Azad Khan merupakan seorang pengarang yang sering melontarkan kritikan sosial menerusi karyanya. Kebanyakan karya Hatta Azad Khan dihasilkan olehnya pada sekitar tahun 50-an dan 60-an dan berlanjutan sekitar dekad 70-an. Walau bagaimanapun, kajian Solehah Ishak (2009) mendapati dramatis seperti Hatta Azad Khan bukan hanya hebat dalam drama beraliran realisme malah aliran absurd juga.

Rahman Shaari (2009 : 36) menjelaskan bahawa Hatta Azad Khan kerap menghasilkan karya yang berbentuk kritikan sosial atau protes sosial terhadap sesuatu permasalahan yang berkaitan masyarakat. Perkara tersebut jelas menunjukkan sikap prihatin Hatta Azad Khan terhadap persekitaran dan masyarakat di sekelilingnya. Justeru, bertitik tolak daripada pendapat Rahman Shaari, kajian ini dilaksanakan dan mempunyai dua objektif kajian. Pertama, untuk mengenal pasti falsafah dan pemikiran dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) karya Hatta Azad Khan. Kedua, membincangkan falsafah dan pemikiran dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) dari aspek sosial, politik dan ekonomi.

Secara implisit, falsafah dan pemikiran yang disuguhkan oleh Hatta Azad Khan menerusi *Kumpulan drama Dunia Belum Kiamat* (2013) menggambarkan perjuangan ke arah menyedarkan, suntikan semangat dan ideologi ke arah memerangi segala rupa kepincangan dan penindasan yang benar-benar terjadi dalam kehidupan masyarakat. Falsafah dan pemikirannya disalurkan kepada khalayak pembaca secara sindiran atau satira. Secara tidak langsung falsafah dan pemikirannya berupaya menjana kognitif dan berfungsi sebagai pengajaran kepada khalayak pembaca.

Hasil retrospeksi, penglibatan Hatta Azad Khan dalam aliran drama realisme ialah pada tahun 1960-an dan pada tahun 1970-an sehingga 1980-an beliau kreatif menghasilkan genre drama yang bercirikan absurdisme. Kajian ini

berupaya memperlihatkan falsafah dan pemikiran pengarang *Kumpulan drama Dunia Belum Kiamat* (2013) yang merangkumi persoalan ekonomi, politik dan sosial. Justeru, kajian ini akan membincangkannya secara lebih mendalam dan kerelavanannya dihubungkan dengan masyarakat pada zaman kini.

Penulisan ini hanya terbatas kepada karya Hatta Azad Khan iaitu seorang penulis dan dramatis yang dilahirkan di Jerteh, Terengganu pada 29 Januari 1952. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Pusat Jerteh, Terengganu dan melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah dalam bidang Teater, Komunikasi, dan Seni Halus di Universiti Sains Malaysia (USM). Minatnya dalam bidang seni teater telah mendorong beliau melanjutkan pelajaran dalam seni teater dan pengarahan di Purudu University, USA. Pada tahun 1994, beliau kemudiannya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti New South Wales, Australia dalam bidang pengajian filem. Hatta Azad Khan amat meminati bidang seni terutama bidang seni drama dan teater. Beliau aktif menghasilkan penulisan skrip dan naskhah drama, giat berkecimpung dalam aktiviti pengarahan drama komedi dokumentasi, drama atau filem cereka. Di samping itu, Hatta Azad Khan turut mengendalikan proses penerbitan drama.

Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat (2013) ditransformasikan oleh Hatta Azad Khan untuk menyuguhkan falsafah dan pemikirannya mengenai rentak dan gaya kehidupan zaman 1970-an dan 1980-an. Walaupun gaya kehidupan berbeza namun pengarang berjaya mengarap dengan baik pengalaman yang dialaminya ke dalam karya kreatif. Hal ini sebagaimana pendapat Abdul Halim Ali (1998:4) yang menegaskan bahawa falsafah pemikiran Auguste Comte (1798-1875) meletakkan sosiologi sebagai ilmu yang tertinggi dan patut dipelajari, maka kritikan sastera dan penulisan teksnya juga turut dipengaruhinya. Falsafah pemikiran yang terdapat dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) mempunyai pertalian yang rapat dengan unsur realisme dalam melatari latar dalam drama tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk merungkai falsafah

Metodologi Kajian dan Kerangka Teori

Kajian ini berfokus kepada data yang diperolehi menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) karya Hatta Azad Khan. *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) merupakan himpunan lima buah drama yang sarat dengan ideologi dan pemikiran pengarang yang wajar dirungkai dan ditaakul sebagai manfaat dan teladan. Fokus kajian ini ialah drama *Awang*, *Anak Korporat*, *Dunia Belum Kiamat*, *Cermin Tipu Daya* dan *Puteri Gunung Ledang*. *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) memperlihatkan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan mengenai manusia dan kemanusiaan

serta mencakupi pelbagai disiplin ilmu menerusi ekonomi, politik dan sosial. Justeru, untuk mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah analisis teks atau kaedah kualitatif.

Kerangka Teori – Teori Sosiologi oleh J. Duvignaud (1972)

Teori sastera merupakan bidang ilmu yang meneliti sifat-sifat yang wujud dalam teks kesusasteraan yang dapat dikaitkan dengan teori tersebut. Penerangan tersebut dibuktikan oleh Mana Sikana (1998 : 3) yang menyatakan bahawa teori sastera merupakan suatu bidang yang berkaitan dengan pemahaman tentang definisi, hakikat, prinsip, konsep, genrelogi, hipogram dan sebagainya. Manakala, sosiologi menurut pendapat Diana Lurenson dan Alan Swingewoods (1972 : 13) ialah sesuatu yang menyentuh secara saintifik dan objektif terhadap sesuatu hal yang menyentuh mengenai masyarakat atau kemasyarakatan.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori sosiologi yang dipelopori oleh J. Duvignaud (1972) untuk meneliti falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013). Sosiologi menurut J. Duvignaud (1972) haruslah dikaitkan dengan perkembangan seni termasuk sastera yang sistematik yang dihubungkan dengan perkembangan sosial. Oleh itu, menerusi teori sosiologi J. Duvignaud (1972), kajian ini mengaplikasikan lima hipotesis sebagaimana berikut:-

- i. Seni adalah drama yang mengandungi implikasi situasi konkret dan konflik.
- ii. Seni mempunyai sifat polemik yang menunjukkan adanya halangan yang mesti dihilangkan dan ada usaha untuk menghilangkan.
- iii. Wujud hubungan antara sistem klasifikasi alam dan sosial.
- iv. Wujud keadaan anomali masyarakat yang kebiasaannya meliputi masyarakat yang goncang dek kerana perubahan radikal yang sangat ketara.
- v. Wujud keadaan *atypic* atau orang yang menyimpang terhadap kehidupan yang dijalani.

Justeru, untuk menganalisis falsafah dan pemikiran yang terdapat dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013), kelima-lima hipotesis tersebut akan dijadikan panduan dalam menganalisis ke arah pencapaian objektif kajian.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Menerusi kajian ini, manifestasi pemikiran dan falsafah Hatta Azad Khan diperlihatkan menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) yang merangkumi tiga aspek penting iaitu sosial, politik dan ekonomi.

Aspek sosial, politik dan ekonomi tersebut amat erat hubungannya dengan aspek realisme dan masyarakat. Untuk memperjelaskan perihal tersebut, penghuraian turut dirungkai berdasarkan manifestasi falsafah pemikiran dari aspek sosial, ekonomi dan politik.

Manifestasi Falsafah Pemikiran dari Aspek Sosial

Menurut Mohd. Affandi (1994 : 73), aspek sosial merujuk kepada fungsi sesebuah karya sastera dalam masyarakat. Menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013), diperlihatkan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan mengenai aspek sosial masyarakat, menyalurkan idea mengenai kepincangan masyarakat untuk ditaakul oleh masyarakat pembaca. Menurut Ramli Leman Soemowidegdo (1973 : 37) kepincangan ialah pertentangan, pergolakan dan konflik kejiwaan yang dialami oleh watak disebabkan wujudnya percanggahan sesuatu pandangan atau pendapat. Oleh hal yang demikian, dapat dijelaskan bahawa sesuatu kepincangan yang berlaku dalam kehidupan tidak dapat lari daripada masyarakat. Hal ini kerana, setiap aspek yang berkaitan dengan sosial akan mencerminkan keadaan masyarakat tersebut. Berikut merupakan manifestasi falsafah pemikiran dari aspek sosial:

Stigma Sosial Terhadap Bidang Drama

Bidang drama merupakan bidang yang berkembang kesan daripada pengaruh luar yang selari dengan peredaran zaman. Menurut Fazilah Husin (2010 : 13), bentuk-bentuk persembahan tradisi masyarakat di Tanah Melayu mula diperkenalkan dengan corak persembahan yang tersusun. Pada dekad 1870-1935, bermula kedatangan aliran drama bangsawan di Tanah Melayu. Manakala, era sandiawara bermula tahun 1935-1960 dan akhirnya menerima pengaruh drama realisme yang mendominasi pentas-pentas teater Melayu.

Menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013), Hatta Azad Khan menyuguhkan falsafah dan pemikirannya mengenai kepentingan bidang kesusasteraan khususnya drama. Genre drama merupakan seni yang amat berharga dan masyarakat perlu menghargai, menghalusi, menjawai dan mendalami inti patinya. Contohnya, keistimewaan genre drama yang menerapkan tradisi moden dan tradisional seperti penggunaan puisi-puisi Melayu. Kebolehan menghasilkan karya drama dengan persembahan puisi merupakan satu keunikan dalam genre drama.

Sehubungan itu, genre drama amat berperanan dan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual seseorang individu. Justeru, masyarakat perlu peka dan mengamalkan keterbukaan minda serta menerima sebarang transformasi ke arah kesejahteraan rakyat dan negara. Menurut Ali Haji Ahmad (1990 : 5), pendidikan kesusasteraan seperti genre drama merupakan satu keperluan

penting untuk membina jati diri bangsa, masyarakat dan negara bersama-sama dengan tamadun manusia.

Dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) Hatta Azad Khan melampiaskan kritikannya terhadap golongan yang memandang rendah terhadap bidang drama menerusi drama *Awang*. Drama *Awang* jelas memperlihatkan idea yang dibawakan oleh penulisnya mengenai pemikiran negatif atau stigma sosial mengenai seni drama dalam arena pendidikan. Kenyataan ini dibawakan oleh pengarang menerusi perwatakan watak Ayah Ngah yang bersikap prejudis serta memandang rendah terhadap bidang drama dalam pendidikan anak-anak yang tidak menjanjikan masa depan yang baik. Falsafah pemikiran Hatta Azad Khan tersebut digambarkan menerusi petikan berikut:

...

- Awang: Ijazah saya dalam bidang drama!
Ayah Ngah: Ooo ijazah dalam bidang drama! Kalau dah tahu susah nak dapat kerja, kenapa yang kamu ambil ijazah drama?
Awang: Dah memang minat saya ke situ.
Ayah Ngah: Boleh kamu hidup dengan minat semata-mata?

...

(Drama *Awang*, 2013: 25)

Petikan drama tersebut memperlihatkan pemikiran Ayah Ngah yang begitu kecewa dengan sikap Awang yang masih lagi belum memperoleh peluang pekerjaan setelah menamatkan pengajiannya dalam bidang drama. Menerusi persoalan tersebut, Hatta Azad Khan cuba menyalurkan stigma negatif masyarakat terhadap seni drama. Terdapat masyarakat yang berpendapat bahawa genre drama tidak membawa manfaat dan keberuntungan dalam kehidupan seseorang manusia. Kenyataan tersebut jelas diperlihatkan menerusi pendirian dan ideologi Ayah Ngah mewakili masyarakat yang prejudis terhadap seni drama yang tiada menyumbang kebaikan dalam bidang pendidikan. Contoh petikan:

- Ayah Ngah: Sudahlah, dah lama benar kamu belajar. Orang lain kalau dah belajar tinggi-tinggi, besar hasilnya. Tapi kamu tak tentu arah lagi.
Awang: Tak tentu arah macam mananya, memang itu arah dan tujuan saya.

Ayah Ngah: Kamu lupakan semua tu. Tak payah kamu nak berangan nak jadi Jins Shamsuddin, nak ganti P. Ramlee, nak berlakon, nak buat drama, nak buat filem. Itu semua kerja mengarut.Baiklah kamu bawa ijazah tu cari kerja. Tak sesuai pun apa salahnya. Ramai orang dalam Malaysia ni yang kerjanya tak sesuai dengan kelulusan dan minat. Tapi hidupnya senang juga, gaji besar juga.

(Awang, 2013 : 27)

Justeru, Hatta Azad Khan melampiaskan falsafah dan pemikirannya mengenai stigma negatif masyarakat terhadap bidang drama yang menganggap bidang drama tidak berupaya membawa pulangan yang baik, tidak menjanjikan kesejahteraan dan kemewahan hidup. Sikap prejjudis Ayah Ngah diibaratkan “bagai buntal kembung” yang hanya pandai mengeluarkan kata-kata yang sompong padahal diri sendiri tidak mempunyai ilmu yang cukup. Hal ini bertentangan dengan ideologi watak Awang yang menggambarkan kepentingan seni drama dalam kehidupan seseorang manusia itu. Ideologi Awang dianalogikan seumpama “berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak”. Kepentingan genre drama turut dinyatakan oleh Mana Sikana (1995:32), bidang drama iaitu drama bukan hanya lebih kepada unsur hiburan dan estetika, malah sebagai alat untuk perjuangan pemikiran masyarakat Melayu. Pelbagai aspek daripada kehidupan manusia telah diangkat oleh para dramatis untuk dijadikan bahan pembicaraan dan perbincangan.

Menerusi drama Awang, watak Awang digambarkan sebagai seorang pemuda yang mempunyai perwatakan yang positif, rajin berusaha, dan tidak mudah berputus asa. Contohnya, walaupun dirinya dihina oleh Ayah Ngah yang merupakan bapa saudaranya, namun watak Awang tetap memperjuangkan keistimewaan seni drama. Beliau tetap berusaha dengan menghantar surat kepada kementerian berkenaan untuk berkhidmat dalam bidang drama. Watak Awang mempertahankan keistimewaan seni drama menerusi penglibatan beliau dengan mengajarkan anak-anak muda di kampung tersebut untuk berdrama dan beliau juga telah ditawarkan menjadi jurulatih drama di Kementerian Kesenian. Walaupun Awang menghadapi tantangan dari orang sekelilingnya, namun keazaman yang tinggi untuk melibatkan diri dalam bidang drama akhirnya mendatangkan hasil.

Kenyataan ini bersesuaian dengan teori sosiologi yang dikembangkan oleh J. Duvignaud (1972), hubungan antara seni dengan masyarakat berdasarkan sikap seseorang itu terhadap seni dan fungsi seni dalam sesuatu masyarakat.

Jelas menunjukkan bahawa ideologi yang dibawa dalam teori sosiologi berkaitan dengan bidang seni. Bidang seni merupakan sesuatu bidang yang luas bukan hanya meliputi seni lukisan malah melibatkan seni lakonan. Oleh itu, seni lakonan merupakan salah satu aktiviti yang melibatkan bidang drama yang dilakukan semula oleh watak-watak tertentu dengan tujuan untuk menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat. Bidang seni juga melibatkan karya sastera yang sudah pasti mengandungi pelbagai unsur yang dikaitkan dengan unsur emosi, aspirasi, sejarah dan budaya sesuatu masyarakat (Ali Haji Ahmad, 1990 :5). Justeru, masyarakat kini haruslah lebih memandang serius mengenai hal ini. Jika bidang sastera dianak-tirikan akan mengakibatkan pupusnya warisan dan tamadun Melayu dek kerana kesibukan manusia dalam bidang sains dan teknologi bak kata pepatah Melayu “dek kerana terleka menyusukan anak kera di hutan, anak di rumah mati kelaparan.”

Memartabatkan Drama dalam Pendidikan

Penerapan bidang drama dalam dunia pendidikan adalah sesuatu yang sangat penting kerana ia bukan sahaja dapat menghiburkan kanak-kanak malah dapat membantu pelajar dalam bidang pelajaran. Hal ini sebagaimana pendapat Cook dalam Courtney Richard (1975 : 54) yang menyatakan bahawa drama atau seni lakonan dan merupakan salah satu daripada cara sebenar untuk belajar dengan baik. Di negara Barat seperti England, terdapat satu pendekatan yang digunakan sebagai *The Living History* yang membuktikan kenyataan Cook tersebut. Pendekatan ini akan menggunakan peristiwa yang berlaku dalam sejarah kemudian dilakukan semula oleh kanak-kanak di tempat kejadian.

Menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013), Hatta Azad Khan melampiaskan falsafah dan pemikirannya dalam usaha untuk memartabatkan genre drama dalam dunia pendidikan. Genre drama bukan hanya penting untuk dilakukan di atas pentas, namun teknik dan penyampaian juga perlu jelas agar dapat meninggalkan kesan kepada khalayak ramai. Oleh itu penerapan teknik drama dengan betul dalam sesi pembelajaran dapat membantu kepada perkembangan potensi pelajar untuk memikul tanggungjawab dengan baik. Kenyataan tersebut diperkuuhkan dengan pendapat Mana Sikana (1985 : 90) yang menyatakan bahawa bidang drama dapat digunakan sebagai inti pati dalam bidang pengajaran dan pembelajaran walaupun sifat drama itu sebagai satu cabang seni yang bercorak ekslusif.

Kenyataan tersebut sebagaimana drama *Awang*. Hatta Azad Khan ingin menyampaikan falsafah dan pemikirannya terhadap kepentingan drama dalam pendidikan. Keadaan ini jelas dikemukakan menerusi watak Awang yang mencintai dunia drama sejak beliau menuntut ilmu dalam bidang drama

di universiti. Semenjak beliau terlibat dengan bidang drama, banyak hal dan perkara yang berkaitan drama diketahui olehnya. Antaranya, teknik senaman, gaya penyampaian dan penulisan skrip. Penglibatan Awang dalam dunia drama banyak mengajarkan kepada beliau erti kesabaran dan pengorbanan. Walaupun minatnya sering mendapat tantangan dari orang sekeliling, namun beliau tetap juga ingin teruskan penglibatan dalam bidang seni lakonan. Hal ini jelas dapat diperlihatkan menerusi petikan berikut:

...

- Awang: Saya pun minat juga dengan filem.
Pak Tua: Kalau nak berlakon boleh Pak Tua bawa jumpa dia orang.
Awang: Saya minat nak belajar cara buat filem
Pak Tua: Baguslah, nanti boleh buat filem sendiri. Boleh ajak Pak Tua berlakon sama!
Awang: Insya-Allah! Tapi itu baru angan-angan.
Pak Tua: Yahal, semuanya bermula dengan angan-angan. Kemudiannya jadi cita-cita, kalau tekun usahanya, jadilah nyata.

...

(Drama *Awang*, 2013 : 50)

Petikan tersebut memperlihatkan semangat kental watak dan perwatakan Awang yang amat meminati dan mencintai seni drama. Rasa cinta watak Awang terhadap bidang drama diperlihatkan menerusi cita-citanya yang ingin menghasilkan dramanya sendiri walaupun hasratnya itu ditentang oleh watak Ayah Ngah dan Kassim. Watak Awang digambarkan sebagai seorang yang tabah menempuh pelbagai cabaran untuk meneruskan perjuangannya. Awang aktif memperjuangkan seni drama dan akhirnya beliau telah berjaya menjadi jurulatih drama di Kementerian Kesenian. Awang tetap berusaha gigih agar segala yang menjadi impiannya terlaksana. Berkat sokongan Pak Tua dan ibunya, Awang telah berjaya memperjuangkan ideologinya mengenai kepentingan dan sumbangan seni drama dalam kehidupan individu dan masyarakat. Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan menerusi drama *Awang* secara tidak langsung berupaya menyuntik minat khalayak pembaca akan seni drama, mentransformasikan stigma negatif kepada positif dan akhirnya berupaya memartabatkan drama dalam arena pendidikan. Hal ini diperkuuhkan menerusi pendapat Hatta Azad Khan yang menjelaskan bahawa (2009 : 26) teater ialah teater, filem ialah filem, novel ialah novel dan karya yang baik seharusnya dapat dinikmati oleh semua peringkat umur, kanak-kanak dan golongan dewasa. Sesuatu ilmu tidak ada istilah ilmu remaja. Barat mencipta teater kanak-kanak, pendidikan

teater dan teater dalam pendidikan. Ini jalur pemikiran yang tepat kerana itulah rakyat mereka meminati teater apabila dewasa.

Fenomena di atas selaras dengan prinsip kedua teori sosiologi yang dipelopori J. Duvignaud (1972). Prinsip kedua dalam teori sosiologi tersebut ialah seni mempunyai sifat polemik yang menunjukkan adanya halangan yang mesti dihilangkan dan ada usaha untuk menghilangkan. Berdasarkan prinsip tersebut, usaha Awang untuk terlibat dalam dunia drama terdapat beberapa halangan yang perlu ditempuhinya seperti kekangan menerusi watak dan perwatakan Ayah Ngah dan Kassim yang menjadi penghalang kepada kejayaannya. Namun, penemuan Awang dengan Pak Tua telah menaikkan semangat Awang untuk terus mencebur ke bidang drama kerana Pak Tua sering memberikan kata-kata positif kepada Awang. Menerusi prinsip kedua teori sosiologi yang dipelopori oleh J. Duvignaud (1972), fenomena tersebut berupaya diperlihatkan dan setiap polemik yang muncul harus dapat diselesaikan walau dengan apa cara sekali pun.

Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Azman Wan Chik (1974 : 259) yang turut menyatakan bahawa drama merupakan penghayatan perlakuan hidup yang konflik. Segala pengalaman baru yang dipelajari dan didapati daripada lakonan merupakan satu pendidikan. Melalui drama juga, generasi muda dapat berkenalan dengan nilai-nilai penting bagi pembentukan peribadi. Oleh hal yang demikian, penglibatan segelintir individu dalam dunia sastera turut mampu menyebarkan ilmu tidak kira ilmu dunia ataupun ilmu akhirat. Tindakan segelintir pihak bukan hanya dapat menyelamatkan warisan Melayu malah melindungi masyarakat daripada perkara yang sia-sia. Penerimaan suatu teks pada masa hadapan akan menyebabkan perkembangan sastera kerana wujud reaksi positif daripada masyarakat. Justeru, pihak kementerian kerajaan haruslah mengambil tindakan sewajarnya untuk memperkembangkan pendidikan Kesusastraan Melayu di peringkat yang lebih luas setanding dengan bidang sains dan teknologi. Sekiranya, sesebuah negara ingin membangun haruslah berpijak pada bumi nyata dan terus memelihara khazanah alam dan warisan Melayu kerana ia dapat menjadi tunjang asas kepada sesebuah tamadun.

MANIFESTASI FALSAFAH PEMIKIRAN DARI ASPEK EKONOMI

Ekonomi secara umumnya merupakan satu kegiatan yang berkaitan dengan pembuatan atau pengedaran sesuatu produk dan perkhidmatan di dalam geografi yang tertentu. Selain itu, ia bergantung kepada penggunaan yang betul dan berkesan daripada sumber sedia ada. Walau bagaimanapun, dari pandangan Islam pula ekonomi adalah ilmu untuk mempelajari segala

bentuk sikap manusia dalam usaha demi memenuhi keperluan hidupnya dengan harapan dapat memperoleh kedamaian dan kesejahteraan hidup di dunia ataupun akhirat (Muhamad Alimin, 2004 : 15). Manakala, dari sudut pandangan Barat pula ekonomi adalah sains pengkajian terhadap sikap kelakuan manusia yang berhubung kait pada sesuatu keperluan dengan sumber keperluan untuk tujuan berbeza (Lionel Robbins, 1932 : ix)

Persoalan yang menyentuh tentang ekonomi dalam kalangan masyarakat di desa atau di kota turut disampaikan menerusi falsafah pemikiran Hatta Azad Khan menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013). Aspek ekonomi ini berkait rapat dengan penglibatan masyarakat Melayu dalam perniagaan. Berikut merupakan manifestasi falsafah pemikiran Hatta Azad Khan dari aspek ekonomi:

Penglibatan Masyarakat Melayu dalam Bidang Perniagaan

Perniagaan menurut Aini Hayati et. al (2009 : 3) dapat ditakrifkan sebagai aktiviti menyediakan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan bermotifkan keuntungan. Terdapat pelbagai bentuk dan saiz perniagaan yang boleh dilihat di Malaysia, contohnya kedai gunting rambut, kedai roti, salon kecantikan, dobi dan agensi pelancongan. Setiap satunya dipanggil perniagaan kerana terlibat dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk dijual semula kepada orang ramai dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Oleh hal yang demikian, menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) memperlihatkan falsafah dan pemikiran pengarangnya yang berhubung dengan kehidupan sebenar masyarakat Melayu di sebuah kampung berhampiran pinggir bandar Kuala Lumpur. Menurut A.M. Thani (1990 : 2), penjajahan Inggeris di Tanah Melayu menekankan dasar ‘buka pintu’ kepada warga asing untuk bekerja dan bermastautin di Tanah Melayu. Fenomena ini menyebabkan terbentuknya masyarakat negara yang berbilang kaum, pelbagai cara hidup dan keturunan. Bidang perniagaan merupakan satu bidang yang kebiasaannya dipelopori oleh orang Cina. Namun masyarakat Melayu pula lebih ke arah pertanian dan perternakan. Kaum India pula menguasai pertanian getah dan kelapa sawit. Pembahagian itu sudah dilaksanakan semenjak Tanah Melayu dijajah lagi oleh British. Kenyataan ini diperkuahkan menerusi pendapat Mohd Rizal Yaakop (2014 : 96) yang menyatakan bahawa kedatangan British di Tanah Melayu telah mengubah kehidupan masyarakat Melayu. British telah menghalau orang Melayu ke pinggir hutan supaya kehidupan mereka terpinggir dari Bandar dan hanya menjalankan kegiatan pertanian sebagai pekerjaan utama.

Drama *Awang* turut menyuguhkan falsafah pemikiran Hatta Azad Khan yang memandang berat soal diskriminasi kaum. Contohnya, falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan turut memperlihatkan kegiatan ekonomi

masyarakat Melayu yang semakin aktif walaupun dijalankan secara kecil-kecilan di pekan-pekan kecil. Zaman kian berubah dan layanan sama rata antara kaum perlu dilaksanakan agar tiada lagi berlakunya ketidakseimbangan dari segi kemahiran, kebolehan dan keistimewaan hak. Manakala masyarakat yang mencebur i bidang perniagaan akan memperoleh keuntungan sekiranya mereka menggunakan peluang dan keistimewaan yang diperolehi daripada pihak-pihak tertentu seperti pihak kerajaan dan institusi tertentu dengan sebaiknya. Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan tersebut diperlihatkan menerusi dialog antara watak Awang dan Pak Tua mengenai strategi yang perlu dilaksanakan untuk maju dalam bidang perniagaan:

...

Awang: Saya tertarik sungguh dengan gaya Pak Tua bercakap ketika berjual ubat.

Pak Tua : Ya ke?

Awang: Pak Tua handal bermain kata-kata.

Pak Tua: Berjual ubat kenalah begitu caranya.

Awang: Lebih hebat daripada main drama.

Pak Tua: Jual ubat pun serupalah dengan berdrama.

...

(Drama Awang , 2013:13)

Petikan tersebut memperlihatkan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan menerusi drama Awang yang berupaya menyuntik semangat khalayak pembaca agar gigih berniaga serta mempunyai strategi untuk maju dalam perniagaan. Pak Tua mempunyai kesungguhan dan gigih berniaga menjual ubat di pekan-pekan kecil walaupun usianya sudah menccah 50 tahun. Pak Tua berusaha memproses ubat-ubatan tersebut di rumahnya sahaja. Selepas ubat siap diproses, Pak Tua sendiri yang akan menjualnya di Pekan. Perniagaan Pak Tua mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat kampung. Menerusi persoalan ini, Hatta Azad Khan menyalurkan idea akan kepentingan strategi perniagaan, persediaan dan ilmu yang perlu dimiliki oleh masyarakat yang ingin berkecimpung dalam dunia perniagaan. Kenyataan tersebut diperlihatkan menerusi watak dan perwatakan Pak Tua yang mempunyai kelebihan ilmu bermiaga, bijak menarik perhatian pelanggan sehingga ramai yang berminat untuk membeli ubat yang dijualnya. Idea mengenai strategi perniagaan yang diperlihatkan oleh pengarang menerusi drama *Awang* ialah kemahiran Pak Tua menawan hati pelanggan. Contohnya, penggunaan bahasa yang sopan, bahasa memujuk atau penggunaan bahasa retorik. Walaupun perniagaan yang dilaksanakan

oleh Pak Tua hanya secara kecil-kecilan namun kemahiran yang dimiliki olehnya menjadi resepi kejayaan perniagaannya.

Kenyataan tersebut bersetujuan dengan prinsip keempat teori sosiologi J. Duvignaud (1972). Berdasarkan hipotesis keempat teorinya, J. Duvignaud (1972) menyatakan bahawa wujud keadaan anomi masyarakat yang kebiasaannya meliputi masyarakat yang goncang kerana perubahan radikal yang sangat ketara. Contohnya, falsafah pemikiran Hatta Azad Khan turut memperlihatkan perubahan yang dialami oleh masyarakat apabila mereka diberikan kebebasan untuk menjalankan perniagaan berbanding sebelum ini. Perubahan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat untuk mencari peluang untuk menceburι bidang perniagaan secara lebih serius. Penggunaan latar sosiobudaya yang terdapat dalam drama *Awang* jelas memperlihatkan masyarakat desa yang mencari rezeki menerusi perniagaan. Contohnya, masyarakat Melayu yang sebelum ini hanya bercucuk tanam telah mula bermula untuk menambah pendapatan mereka di samping dapat menyara kehidupan mereka untuk masa akan datang. Justeru, perubahan yang dialami oleh masyarakat telah banyak memberikan peluang kepada masyarakat untuk berdikari tanpa mengharapkan bantuan dari pihak lain.

MANIFESTASI FALSAFAH PEMIKIRAN DARI ASPEK POLITIK

Politik menurut Miriam Budiardjo (2008 : 16) adalah satu perebutan kuasa, takhta dan harta. Politik juga sering kali dikaitkan dengan tabiat seseorang manusia sama ada secara baik atau buruk. Selain itu juga, Andrew Heywood (1997 : 4) menjelaskan politik merupakan satu kegiatan yang dijalankan oleh suatu bangsa yang bertujuan untuk membuat, mempertahankan, mengamalkan peraturan-peraturan umum yang mengaturkan kehidupannya.

Menerusi Kumpulan *Drama Dunia Belum Kiamat* (2013), kajian ini berupaya membawakan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan yang memperlihatkan manifestasi falsafah pemikiran dari aspek politik sebagaimana berikut:

Dunia Politikus

Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) diteruskan lagi dengan membicarakan hal berkaitan dunia politikus. Dunia politik merupakan satu bidang yang diceburi oleh ahli politik khususnya. Politik negara memainkan peranan penting dalam pentadbiran sesebuah negara. Hal ini kerana, sesebuah akan menjadi aman dan tenteram sekiranya ditadbir oleh pemerintah yang adil dan saksama. Dunia politikus menurut Sabili (2008 : 93) merupakan penglibatan individu yang sering mengikuti segala bentuk kegiatan, peristiwa atau berita berkaitan politik. Dunia politikus memerlukan seorang pemerintah yang berkaliber

untuk memegang jawatan penting dalam pemerintahan. Oleh sebab itu hubungan yang baik antara pemimpin dan masyarakat perlu dijaga supaya dapat berkongsi bersama-sama keistimewaan yang dimiliki. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Ramlan Surbakti (1991 : 1) yang menyatakan bahawa dalam politik interaksi pemerintah dan masyarakat dalam rangka proses pembuatan dan pelaksanaan keputusan begitu penting agar kebaikan dapat dinikmati bersama-sama masyarakat sekeliling.

Contohnya, drama *Anak Korporat* turut menampilkan perubahan kehidupan seorang anak muda apabila terlibat dalam dunia politikus. Watak anak muda tersebut dilakonkan oleh watak Mat yang dikatakan mengalami kejutan budaya apabila memasuki dunia politik. Kehidupan Mat tidak seperti dulu lagi, segala-gala telah berubah dan perangainya turut berubah. Perubahan hidup Mat telah banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya pengaruh rakan, kekayaan dan kesombongan. Perubahan tersebut sering berlaku apabila seseorang itu mendapat kesenangan dan kemewahan dengan cara yang mudah. Semenjak Mat melibatkan diri dalam dunia politikus hidupnya tidak pernah susah malah bertambah senang. Hatta Azad Khan memilih watak Mat kerana Mat begitu meminati dunia politik dan ingin meneruskan impian Cikgu Mim yang ingin menjadi pemimpin yang disegani. Namun, Mat telah berubah sikapnya menjadi seorang yang sompong dan riak dengan kemewahan yang dimiliki sehingga sanggup berkelakuan biadap terhadap watak Mak Long. Mak Long ialah ibu saudara kepada Mat yang memeliharanya sejak beliau dilahirkan ke dunia. Fenomena ini jelas disuguhkan menerusi drama *Anak Korporat*:

...

- Mak Long: Tak kira kamu berada di mana, kamu tengah buat apa!
Mak dan abah kamu nak berangkat, kamu patut balik!
Berjumpa dengan dia, minta maaf!
- Mat: Minta maaf apanya? Saya tak salah apa-apa!
- Mak Long: Kamu dah jadi orang apa sebenarnya? Dua tahun dulu
aku berjumpa kamu di sini, kamu tak macam ni!
- Mat: Dulu saya masih belajar, belum bekerja lagi! Tentulah
lain!
- Mak Long: Orang lain pun keluar universiti bekerja juga, tapi tak
macam kamu.
- Mat: Kerja saya lain ! Saya orang korporat ! Tanggungjawab
saya berat !
- ...

(Drama *Anak Korporat*, 2013 :147)

Petikan tersebut jelas menggambarkan falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan menerusi drama *Anak Korporat*. Petikan tersebut menjelaskan sikap masyarakat yang lupa daratan dan digambarkan menerusi watak seorang anak muda bernama Mat. Mat ialah anak lelaki kepada Cikgu Mim dan Seri. Mat ialah seorang anak yang hormat kepada orang tua dan mudah menerima nasihat. Namun demikian, setelah Mat tamat pengajian di universiti dan berjaya dalam kehidupannya, sikapnya telah mulai berubah. Mat mula memperlihatkan sikap negatif iaitu lupa akan asal usulnya. Mat juga telah mengherdik Mak Long yang menasihatinya agar pulang ke kampung untuk bertemu ayah dan ibunya yang akan berangkat ke tanah suci Mekah. Mat tidak menghiraukan pemergian ibu dan ayahnya ke tanah suci Mekah untuk menunaikan ibadah haji. Mat juga terlalu sibuk dengan urusan dunia.

Watak Mat digambarkan terlalu cinta terhadap dunia korporat sehingga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang suami. Hal ini mengakibatkan rumahtangga yang dibinanya tidak kekal lama. Di samping itu, Mat juga bersikap meninggi diri, tidak sudi menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan serta gagal melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim. Segalanya bermula setelah beliau menceburkan diri dalam dunia korporat. Mat dikatakan seorang anak muda yang gagal menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin dan juga sebagai seorang anak. Sikap negatif Mat langsung tidak menunjukkan budaya yang baik malah merosakkan tamadun Melayu. Beliau terlalu asyik dan bergiat aktif dengan dunia korporat yang dianggapnya akan membawa ganjaran dan pendapatan yang lumayan. Kenyataan tersebut bertentangan dengan pendapat Ahmad Kamal Abdullah (2013 : 47) yang menekankan bahawa seseorang yang memperolehi kejayaan adalah individu yang sentiasa berada dalam iklim tamadun dan budaya yang tinggi.

Fenomena tersebut bersesuaian dengan hipotesis keempat teori sosiologi oleh J. Duvignaud (1972). Menerusi hipotesis keempat dalam teori sosiologi, berlaku anomali masyarakat yang goncang kerana perubahan radikal yang sangat ketara. Berdasarkan hipotesis tersebut jelas menunjukkan bahawa kehidupan Mat mula berubah apabila Mat mula menceburkan diri dalam dunia politik. Sepanjang penglibatan Mat dalam dunia politik kehidupan Mat bertambah mewah. Namun di sebalik kemewahan yang diperolehi oleh Mat terdapat kemiskinan dari sudut akhlak. Pengarang menjadikan watak Mat mewakili seorang yang berperwatakan negatif sehingga mendatangkan ketidakpuasan hati pelbagai pihak. Ketaksuban Mat dalam dunia politik telah menyebabkan beliau gagal menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin, suami dan anak. Mat telah hanyut dengan dunia politik yang melalaikannya. Justeru, hipotesis keempat dalam teori sosiologi jelas dapat membuktikan bahawa berlaku kepincangan dalam dunia politikus yang

digambarkan melalui watak dan perwatakan Mat menerusi drama *Anak Korporat*.

Kesetiaan Rakyat kepada Pemimpin

Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) diteruskan lagi dengan membicarakan hal berkaitan kesetiaan rakyat kepada pemimpin. Prinsip kesetiaan amat diperlukan dalam apa jua keadaan. Kesetiaan kepada pemimpin merupakan salah satu prinsip dalam Rukun Negara yang harus dipatuhi oleh setiap rakyat di negara ini. Kesetiaan kepada pemimpin atau ketua di dalam sesuatu organisasi adalah teras kepada kewibawaan, keteguhan, kejayaan atau kecemerlangan (Pejabat Perdana Menteri, 2009). Seterusnya, kesetiaan ini akan membina kepercayaan dan menjalin satu ikatan antara dua pihak. Nilai atau ganjaran kepada kesetiaan perlu berasaskan kepada keupayaan, pencapaian dan kemajuan yang dilaksanakan dalam setiap perhubungan. Perhubungan yang berasaskan kepada cara mengampu perlu dihindari supaya tidak disalahgunakan oleh pihak yang sering mengambil kesempatan.

Selain itu, negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Sistem beraja juga diamalkan di setiap negeri, dan Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri tidak beraja (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2010 : 449). Setiap rakyat harus menumpukan taat setia, ikhlas dan jujur kepada pemimpin kita. Ketaatsetiaan kepada pemerintah atau raja yang menjadi ketua negara merupakan saranan Allah S.W.T kepada seluruh rakyat sebagaimana terkandung dalam firman Allah menerusi surah An-Nisaa ayat 59:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah ia kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya.”

(Surah An-Nisaa : Ayat 59)

Firman Allah SWT tersebut menjelaskan kepada manusia bahawa ketaatan sangat penting dalam kehidupan. Ketaatan yang paling penting adalah taat kepada Allah S.W.T, Nabi Muhammad S.A.W dan seterusnya pemimpin. Namun demikian, sekiranya pemimpin melakukan kesilapan atau berpaling dari landasan yang sebenarnya yang telah ditetapkan dalam Islam wajarlah sebagai seorang rakyat menegur kesilapannya supaya tidak membawa

kepada kemungkaran. Menurut Sivachandralingan Sundara Raja (2005 : 123), pemerintahan raja dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu Raja Berkuasa Mutlak dan Raja Berperlembagaan. Sistem Raja Berkuasa Mutlak bermaksud cara pemerintahan raja tidak dikawal oleh parlimen namun dipegang oleh undang-undang. Manakala Raja Berperlembagaan pula di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen yang bermaksud Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung sebagai ketua negara (Muhammad Kamil Awang et.al, 2001: 15). Contohnya, falsafah dan pemikiran dalam drama *Awang* memaparkan kesetiaan Pak Tua kepada seorang pemimpin iaitu Datuk Nahar. Kesetiaan Pak Tua tidak berbelah bahagi dan Pak Tua sentiasa hormat dan setia kepada pemimpin di daerahnya walaupun Pak Tua lebih berusia. Namun, atas dasar hormat kepada Datuk Nahar beliau menaburkan ketaatan kepada Datuk Nahar. Fenomena tersebut membawa khayal agar menaakul akan konsep raja berperlembagaan. Ia sebagaimana dalam petikan drama *Awang*:-

...

- Pak Tua: Dia pemimpin kita. Banyak jasanya kepada kita. Kita mestilah taat setia dan hormat kepada dia.
- Awang: Taat setia kita pada seseorang biarlah ada batasnya. Dia bukan nabi. Bagaimana baik dan mulianya dia, ada juga cacat celanya.
- Pak Tua: Kita lupalah cacat celanya tu!
- Awang: Kenapa kita nak lupa? Kalau kita benar-benar jujur, kita patut akui hitam putih dia. Kalau dia salah, kita patut tentang dia.
- Pak Tua: Itu derhaka namanya. Pada aku pantang nenek moyang, menderhaka pada pemimpin, pada orang yang lebih tua, sementelah lagi orang yang dah banyak menolong kita.

...

(Drama *Awang*, 2013 : 97)

Petikan tersebut jelas menggambarkan mengenai kesetiaan Pak Tua kepada Datuk Nahar. Pak Tua bertengkar dengan Awang apabila Awang menegur sikap Pak Tua yang membela Datuk Nahar. Pak Tua seorang yang taat kepada pemimpin. Pak Tua juga sanggup ditangkap polis semata-mata untuk menyedarkan kepada orang ramai supaya mengenang budi dan jasa pemimpin. Walau bagaimanapun, sikap pemimpin dalam drama *Awang* merupakan individu yang mementingkan diri sehingga berlakunya penyelewengan dalam parti politik. Menurut Ahmad Ramzi (1998 : 5), masalah sebenar umat Islam berpunca daripada sikap sebahagian mereka yang lupa untuk

menjalankan tanggungjawab sehingga membiarkan penyelewengan terus berlaku.

Phenomena tersebut sesuai dengan hipotesis kedua dalam teori sosiologi J. Duvignaud (1972). Hipotesis kedua dalam teori sosiologi ialah seni harus mempunyai sifat polemik yang menunjukkan adanya halangan yang mesti dihilangkan dan ada usaha untuk menghilangkan. Berdasarkan prinsip tersebut jelas menunjukkan berlaku polemik diantara Pak Tua dan Awang. Polemik tersebut berlaku apabila Awang menegur tindakan Pak Tua yang menumpahkan taat setia sepenuhnya kepada Datuk Nahar. Datuk Nahar merupakan seorang pemimpin di kawasan tempat tinggal Pak Tua. Jadi Pak Tua harus taat dan setia kepada Datuk Nahar sebagai pemimpin. Namun begitu, Awang berfikiran sebaliknya. Awang tidak dapat menyokong tindakan Pak Tua kerana Datuk Nahar telah melakukan kesalahan sewaktu menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin. Rentetan daripada polemik yang berlaku di antara Pak Tua dan Awang, Awang telah diusir keluar dari rumah kerana menentang pendapat Pak Tua. Polemik yang berlaku di antara Awang dan Pak Tua dapat diselesaikan dengan pendamaian. Justeru, fenomena yang berlaku di atas sangat sesuai dengan hipotesis kedua dalam teori sosiologi J. Duvignaud (1972). Setiap polemik yang berlaku dapat diselesaikan dengan usaha yang dilakukan.

Masyarakat yang Fanatik akan Gelaran dan Pangkat

Dewasa kini, kedudukan yang tinggi akan menyebabkan kehidupan seseorang itu disanjung tinggi. Namun begitu, disebabkan kedudukan pangkat yang tinggi juga akan mengundang kepada pergaduhan untuk merebutkan jawatan tersebut. Setiap daripada mereka yang terlibat dalam arena politik sentiasa mengharapkan gelaran dan pangkat agar disegani dan dihormati oleh orang ramai. Itulah yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat kini. Gelaran yang dimiliki merupakan lambang atau status seseorang dalam kalangan masyarakat. Berikut merupakan contoh yang dipetik menerusi drama *Anak Korporat*:

...

- Cikgu Mim: Yang awak sibuk benar nak bergelar nie kenapa? Nama awak Seri, orang dah panggil awak Puan Seri! Apalagi yang awak nak?
- Seri: Semua kawan-kawan saya kata, saya layak dan bertokoh dipanggil Datin!

Cikgu Mim: Ohh..kerana kawan-kawan kata begitu, awak marahkan saya bila nama saya tak masuk senarai penerima pingat? Awak suruhlah kawan-kawan awak tu berikan awak pingat! Besar mana awak nak?

Seri: Dahlah! Kalau macam ni laku awak, sampai bila pun nama awak takkan masuk senarai! Saya suruh awak bawa berapat dengan PM! Ambil peluang tonjol diri.

...

(Drama *Anak Korporat*, 2013 :130-131)

Petikan tersebut memaparkan falsafah pemikiran Hatta Azad Khan mengenai tindakan Seri yang terlalu taksub dengan jawatan dan pangkat. Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan tersebut disalurkan kepada khalayak pembaca secara tersirat. Idea pengarang yang disampaikan secara sindiran tersebut bertujuan menyedarkan masyarakat agar tidak bermegah dengan gelaran serta pangkat yang dimiliki. Ketulusan dan ikhlas dalam persahabatan juga perlu diamalkan. Secara realitinya, masyarakat gemar memuja dan memuji mereka yang mempunyai pangkat serta gelaran. Falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan disuguhkan menerusi watak Seri yang sering memuja pangkat dan gelaran sehingga bertelingkah dengan suaminya. Perbuatan Seri itu seperti mempunyai agenda jahat iaitu ingin mendapatkan kesenangan dan kemewahan dengan cara mudah apabila beliau dapat memiliki gelaran Datin. Kenyataan tersebut sebagaimana pepatah Melayu iaitu “ada udang di sebalik batu”. Seri sering memaksa suaminya agar menerima semula jawatan Datuk tersebut kerana apabila suaminya mempunyai kedudukan dalam politik akan lebih mudah untuk mempengaruhi fikiran menteri tersebut. Rentetan dari keadaan tersebut akan menyebabkan mereka sekeluarga mendapat kesenangan dan pangkat sekali gus. Namun begitu, keadaan tersebut dapat diselamatkan apabila Cikgu Mim meletakkan jawatan dan gelaran tersebut demi menyelamatkan keluarganya dari perkara yang tidak diingini. Cikgu Mim menyerahkan gelaran datuk dan datin kerana tidak mahu ada pihak yang menghinanya dan menfitnah mereka dengan melemparkan tuduhan bahawa gelaran datuk itu dibeli dengan duit puluhan ribu ringgit. Jadi, untuk mengelakkan fitnah terus berleluasa Cikgu Mim sendiri yang akan menyerahkan secara rasmi gelaran tersebut sambil membuat kenyataan di akhbar untuk membersihkan namanya.

Berdasarkan fenomena yang berlaku di atas, jelas menunjukkan sikap negatif Seri yang digambarkan seorang yang taksub akan gelaran dan pangkat telah menyebabkan berlaku perselisihan faham di antara Seri dan Cikgu Mim. Keadaan tersebut selari dengan hipotesis kedua teori sosiologi oleh J. Duvignaud (1972) iaitu seni mempunyai sifat polemik yang menunjukkan

adanya halangan dan usaha untuk menghilangkannya. Prinsip tersebut dapat menjelaskan bahawa dalam drama *Anak Korporat* yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan mempunyai polemik yang berlaku di antara suami isteri. Polemik ini berlaku kerana disebabkan ketidakpuasan hati Seri terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Cikgu Mim. Walau bagaimanapun, polemik tersebut dapat dilerakan apabila tindakan bijak Cikgu Mim menyerahkan semula gelaran ‘Datuk’ dan ‘Datin’ secara rasmi sambil membuat kenyataan rasmi di akhbar untuk membersihkan namanya. Sejurus selepas perletakan jawatan dan gelaran dibuat, Cikgu Mim membawa Seri menunaikan haji di tanah suci Mekah. Oleh hal yang demikian, polemik yang berlaku antara Cikgu Mim dan Seri dapat diselesaikan dengan baik. Justeru, setiap manusia perlu sentiasa diingatkan bahawa gelaran, pangkat dan harta adalah pinjaman semata-mata dan tidak akan pernah kekal. Gelaran, pangkat dan jawatan merupakan amanah yang harus dipikul dengan sebaiknya. Jika hal tersebut dicemari dengan perkara yang tidak baik akan menyebabkan berlakunya kepincangan dan penindasan dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Terdapat kepelbagaiannya falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan diperlihatkan menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013). Kepelbagaiannya mesej yang ingin disampaikan oleh pengarangnya menyentuh perkara yang melibatkan masyarakat dari golongan atasan, pertengahan dan golongan bawahan. Hatta Azad Khan menyisipkan fenomena sosial yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat dan melatari persoalan kemanusiaan sangat. Dalam setiap drama yang dihasilkan juga turut terkandung maksud tersirat yang menceritakan tentang kepincangan masyarakat dan ketidakpuasan hati. Falsafah pemikiran yang disalurkan menerusi *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) mencerminkan aspirasi serta gambaran tentang fenomena sosial, ekonomi dan politik yang sering berlaku dalam dunia realiti. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa falsafah dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat* (2013) sarat dengan falsafahnya untuk dijadikan iktibar kepada pembaca menghayati karyanya. Hal ini kerana, penulisan yang baik akan dapat mempengaruhi pembaca secara tidak langsung. Segalanya disalurkan menerusi falsafah pemikirannya yang berfungsi sebagai menghibur dan mengajak khalayak ke arah kebaikan. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutama pengemar bidang drama atau seni lakonan. Selain itu, melalui kajian ini juga mampu memberi kesedaran mengenai kepentingan bidang drama dalam dunia pendidikan atau pekerjaan. Hal ini kerana, melalui bidang drama dapat mencerminkan pemikiran masyarakat kini kepada pembaca seiring dengan peredaran zaman.

RUJUKAN

- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan.* (2012). Selangor : Humaira Bookstore Enterprise.
- Ali Haji Ahmad. (1990). *Falsafah Pendidikan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2013). *Falsafah Pendidikan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera : Barat dan Malaysia*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). *Rukun Negara dalam Memperkuatkan Ketahanan Negara*. Political Management and Policies in Malaysia. Muka surat 443-457. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Kamal Abdullah. Transformasi Budaya, Transformasi Akal Budi. *Dewan Sastera*. Keluaran November 2013, hal 47.
- Ahmad Ramzi (Pent). (1998). *Membina Generasi Berwawasan*. Terengganu. Yayasan Islam: Terengganu, hal 5.
- Andre Heywood. (1997). *Politics*. London : Macmillan Press, hal 4.
- Aini Hayati Mohamed et al. (2009). *Teks Pra-U STPM Matrikulasi Pergajian Perniagaan 1*. Selangor : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- A.M Thani. (1990). *Integrasi Sosial dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik. (1974). *Kaedah Mengajar Kesusasteraan Malaysia: Dalam Bidang Drama*' dalam Mohd. Taib Osman, Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain. Seorang Romantis Mengenyah Bara. *Dewan Sastera*. Keluaran Jun 2013 : hal 13)
- Baron Lionel Robbins. (1932). *An Essay on the Nature & Significance of Economic Science*. Macmillon & Co. Limited. University of California.
- Bina Media Sabili. (2008). *Majalah Islam*, Volume 15, Issues 13-16. Bina Media Sabili.
- Courtney, Richard. (1991). (Terj). *Lakonan, Drama dan Pemikiran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duvignaud, Alain. (1972) Theory, dalam Lauresnson & Swingewood. *The Sociology of Literature*, 11-90, London: Paladin.
- Fazilah Husin. (2010). *Teater Melayu: Teks dan Eksperimental*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2013). *Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. Papan dan Kalam Batu Hatta Azad Khan. *Dewan Sastera*, Januari 2009, halaman 24-26.

- Miriam Budiardjo. (2008). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta : PT Gramedia Pustaka Ilmu, hal 16.
- Mohd Affandi Hassan. (1994). *Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu*
- Moden Dlm. *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti*. Esei/ Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Alimin. (2004). *Etika dan Perlindungan Konsumen dalam Ekonomi Islam*. Yogyakarta.
- Muhammad Kamil Awang & Mohd Ashruddin Mohd Tahir. (2001). *Sultan & Perlembagaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rizal Yaakop. (2014). *Theories of Politics : From Marxist to Consocrationalist*. Create Space Independent Publishing Platform.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- _____. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- _____. (1985). *Kaedah Kajian Drama*. Kuala Lumpur : Karya Bestari.
- Othman Puteh. (1995). *Pengisian Dunia Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pejabat Perdana Menteri, PPM. (2009). *1 Malaysia-Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya : Pejabat Perdana Menteri.
- Rahman Shaari. Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu : Lirik dan Pemikiran. *Dewan Sastera*. Keluaran Januari 2009, hal 36.
- Ramli Leman Soemowidegdo. (1973). Catatan Singkat Tentang Protes Sebuah Novel Shahnon Ahmad. *Dewan Bahasa*. Keluaran Mei 1973.
- Ramlan Surbakti. (1991). *Memahami Ilmu Politik*. Grasindo.
- Sulaiman Noordin. (1992). *Sains Falsafah dan Islam*. Bangi : Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shasha Zainal. Mendidik Masyarakat Melalui Drama. *Dewan Sastera*. Keluaran Disember 2009, hal 47.
- Solehah Ishak. Hatta Azad Khan : Potret Seorang Artis. *Dewan Sastera*. Keluaran Januari 2009, hal 32.
- Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan. (2005). *Sejarah Dunia 1500-1955*. Penerbit Fajar Bakti.
- Swingewood, Alain. (1972). *Theory dalam Lurendon & Swingewood, The Sociology of Literature*. 11-90, London: Pladin.
- Zakaria Ariffin. Hatta Azad Khan : Potret Seorang Artis. *Dewan Sastera*. Keluaran Januari 2009, hal 27-31.